

Rol berjaya kurangkan sampah

Penyelenggaraan diadakan secara berkala di sungai-sungai sekitar ibu negara

PEMBERSIHAN sungai menjadi salah satu inisiatif di bawah Projek NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, iaitu 'Sungai Nadi Kehidupan' (*River of Life - RoL*).

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md Ikshan berkata, NKEA Greater KL/Klang Valley (GKL/KV) sebagai salah satu Bidang Utama Ekonomi Negara telah mencapai pelbagai kesan positif dan kemajuan dalam usaha menzahirkan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya yang berdaya huni dan rancak dari segi pertumbuhan ekonominya.

Menurutnya, sehingga 31 Disember 2013, projek-projek di bawah NKEA GKL/KV telah membelanjakan 98.7 peratus daripada peruntukan Perbelanjaan Pembangunan iaitu sebanyak RM742 juta.

"Projek RoL, telah melepasi sasaran tahunan kepada 105 peratus. Beberapa projek di bawah inisiatif pembersihan sungai, diketuai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah disiapkan.

"Salah satu pencapaian RoL adalah kejayaan Program Public Outreach dengan komuniti setempat yang mendiami kawasan sepanjang koridor sungai untuk memberikan kesedaran memastikan kebersihan sungai. Antara sungai-sungai yang se-



Pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah di Sungai Kuyoh yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL

lagi dilaksanakan kerja-kerja pembersihan ialah Sungai Klang, Sungai Gombak dan Sungai Kerayong," katanya.

Sementara itu, sumber DBKL berkata, kawasan yang sering tercemar dengan sisa sampah dibuang secara terbuka adalah di kawasan se-tinggan terutama berhampiran dengan sungai seperti di Kepong dan

Kampung Puh, kawasan penjaan seperti di pasar tani/malam dan pasar borong.

Menurut sumber berkenaan, Jabatan Kejuruteraan awam dan Saliran, DBKL telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai secara berkala di kawasan-kawasan perangkap sampah yang telah dipasang iaitu kutip-



an sampah dibuat setiap hari di 'floating boom' dan tiga kali seminggu di skrin statik dan 'Gross Pollutant Trap' (GPT).

"Perangkap-perangkap sampah ini dipasang di sungai utama seperti Sungai Gombak, Sungai Klang dan Sungai Kerayong serta di sungai-sungai kecil seperti Sungai Kemuning, Sungai Toba dan Sungai Batang Tolak

di Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, sungai kelihatan lebih bersih dan sampah berkurangan selepas projek RoL dilaksanakan.

"Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai sentiasa dijalankan oleh pihak kontraktor yang telah dilantik oleh DBKL mengikut program berkala yang telah dirancang," katanya.